



**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI  
KEDAH DARUL AMAN**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

Pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** adalah dipelawa untuk mendaftar bagi kerja-kerja sebutharga di bawah ini.

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>NO. SEBUTHARGA</b>	<b>KOD BIDANG</b>
1.	Sebutharga Membekal dan Menghantar Papan Lapis Untuk Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah Darul Aman	04 / 2017 (USP)	090101 atau 090199

**HARGA DOKUMEN : RM 10.60 SENASKAH (TUNAI)**

Dokumen tawaran ini boleh didapati dari **Jabatan Kewangan (Seksyen Perolehan)** mulai **13 Februari 2017 (Isnin)** pada hari dan waktu seperti di bawah :-

**Ahad – Rabu** : 8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari  
2.15 petang hingga 4.45 petang  
**Khamis** : 8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari  
2.15 petang hingga 3.15 petang

Pembekal atau wakil pembekal dikehendaki membawa dokumen asal **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat** yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** serta **satu salinan** semasa membeli dokumen sebutharga.

Tarikh tutup sebutharga ialah pada **19 Februari 2017 (Ahad)** jam **12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri / bermeteri, bertulis nama tawaran dan nombor sebutharga dan dihantar kepada **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman** atau dimasukkan terus ke dalam peti tawaran sebutharga di **Jabatan Kewangan (Seksyen Perolehan), Tingkat 4, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman**. Pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.